



**KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENUTUPAN SEKOLAH BAWAH KPM DI NEGERI SELANGOR,  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
DAN WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
PADA 6 DAN 7 MEI 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui surat Jabatan Pendidikan Negeri Selangor bertarikh 5 Mei 2021 telah mengarahkan semua sekolah bawah KPM di negeri Selangor ditutup pada 6 dan 7 Mei 2021. Arahan ini dikeluarkan setelah mempertimbangkan syor Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Selangor (JKKNS) supaya semua sekolah di negeri Selangor ditutup bagi mengurangkan pergerakan dalam komuniti berikutan peningkatan kes COVID-19 di negeri tersebut. Keputusan ini juga dibuat setelah mengambil kira tempoh persekolahan yang hanya berbaki dua (2) hari sebelum sekolah ditutup sempena cuti hari raya Aidilfitri tahun 2021.

Berikutan semua sekolah bawah KPM di negeri Selangor ditutup pada 6 dan 7 Mei 2021, KPM memutuskan supaya semua sekolah bawah KPM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya turut ditutup pada 6 dan 7 Mei 2021. Keputusan KPM untuk menutup sekolah adalah bagi mengurangkan pergerakan dalam komuniti dan pergerakan antara negeri memandangkan kedudukan kedua-dua wilayah ini yang bersempadanan dengan daerah-daerah dalam negeri Selangor.

Dalam tempoh penutupan tersebut, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) akan dilaksanakan mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi pergerakan pulang murid asrama sempena cuti hari raya Aidilfitri tahun 2021, pihak sekolah perlu mengekalkan jadual pergerakan pulang yang telah ditetapkan untuk mengelakkan kekeliruan dalam kalangan murid dan ibu bapa/penjaga.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**05 MEI 2021**